



Laporan Tahunan 2011-2015 (RMK-10)



**Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah**



PRAKATA

Pembangunan sektor ternakan masa kini sememangnya menghadapi pelbagai cabaran dari aspek ketidaktentuan iklim, bencana alam seperti banjir, ancaman penyakit, kekurangan tenaga kerja dan pasaran yang tidak menentu.

Walau bagaimanapun, kita patut bersyukur kerana negeri kita tidaklah seteruk yang boleh memusnahkan perkembangan ekonomi penternakan.

Core business Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah sepanjang RMK-10 adalah memberi perkhidmatan dalam aspek penyelidikan, pembangunan dan latihan. Di samping memberikan khidmat nasihat, tunjuk ajar, penyaluran teknologi dan latihan kepada kumpulan sasar dan pengusaha, jabatan juga melaksanakan pelbagai program pembangunan ternakan di sepanjang RMK-10.

Sebagai badan pengawalselia atau regulatori, jabatan akan sentiasa memastikan laluan pintu masuk utama bagi kuarantin ternakan dikawalselia dengan ketat. Sebarang ancaman penyakit jika tidak dikawal boleh menjejaskan ekonomi sektor penternakan di Sabah. Prosedur-prosedur kuarantin dan urusan kawal selia diperkemas agar para pelabur dapat menyumbang untuk menjayakan inisiatif-inisiatif halatuju sektor penternakan di negeri ini.

Pencapaian jabatan dalam RMK-10 adalah hasil usaha gigih semua anggota jabatan dengan berpegang kepada slogan **Kearah Kecemerlangan**. Atas komitmen yang baik inilah yang membolehkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah berjaya dianugerahkan pengiktirafan 5 bintang dalam penilaian Indeks Akauntabiliti 2015 serta lulus untuk penilaian pembaharuan persijilan MS ISO. Justeru, tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua warga Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah di atas sumbangan bagi mencapai kejayaan jabatan ini.

DATUK DR. YEO BOON KIAT
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan
Dan Perusahaan Ternak
Negeri Sabah

LOGO JPHPT



Logo Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah Menggambarkan :-

HURUF "V"

Melambangkan perkhidmatan veterinar serta lima objektif jabatan

- Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik.
- Menentukan bahan-bahan haiwan untuk makanan manusia suci, bersih dan sesuai untuk dimakan.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan yang mantap.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan.
- Menentukan kebajikan dan kesejahteraan semua haiwan sentiasa terpelihara.

TANDUK

Mewakili visi dan misi jabatan

- Industri ternakan yang komersil, bersepadu dan mantap untuk mengeluarkan makanan yang berkualiti bagi mencapai tahap saradiri yang berkekalan dan eksport.
- Memberikan perkhidmatan veterinar dan pengurusan ternakan yang profesional sebagai pemangkin kepada industri ternakan yang mantap bagi membekal makanan daripada hasil ternakan yang bermutu dan selama.

Warna biru

Mewakili perkhidmatan haiwan dan perusahaan ternak

Warna putih

Menggambarkan kebersihan bumi negeri Sabah mengenai taraf kesihatan yang bebas dari penyakit haiwan utama

Warna hijau

Mewakili kawasan kehijauan dalam negeri iaitu padang ragut dan makanan untuk ternakan

Warna merah

Mewakili perkhidmatan-perkhidmatan yang diamanahkan kepada jabatan

Bentuk telur

Menggambarkan simbol benih lembaga di mana semua kehidupan bermula untuk pertumbuhan dan perkembangan.

Pada keseluruhannya logo ini melambangkan motto jabatan iaitu:

PENGELUARAN DAN KESIHATAN TERNAKAN YANG MAPAN

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

VISI Industri ternakan yang komersil, bersepadu dan mantap untuk mengeluarkan makanan yang berkualiti bagi mencapai tahap saradiri yang berkekalan dan eksport.

MISI Memberikan perkhidmatan veterinar dan pengurusan ternakan yang profesional sebagai pemangkin kepada industri ternakan yang mantap bagi membekal makanan daripada hasil ternakan yang bermutu dan selamat.

PROFAIL JABATAN

Mengenai Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Sebelum tahun 1976, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah wujud sebagai sebuah bahagian di bawah Jabatan Pertanian Sabah. Bahagian tersebut dinamakan Bahagian Perusahaan Ternak yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Pertanian. Tugas utama bahagian tersebut pada ketika itu adalah mencegah jangkitan penyakit dan merawat ternakan.

Pada 01hb. Januari 1976, Jabatan ini telah ditauliahkan menjadi sebuah jabatan tersendiri dan diketuai oleh seorang pengarah dimana aktiviti-aktivitinya bertambah kepada pengeluaran baka-baka ternakan dan diperluaskan kepada para pekebun kecil. Kini jabatan ini merupakan salah satu daripada empat (4) buah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan Sabah.

OBJEKTIF DAN STRATEGI

Objektif dan strategi Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah ialah seperti berikut:

Objektif

- Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik.
- Menentukan bahan-bahan haiwan untuk makanan manusia suci, bersih dan sesuai untuk dimakan.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan yang mantap.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan.
- Menentukan kebajikan dan kesejahteraan semua haiwan sentiasa terpelihara.

Strategi


- Meningkatkan daya pengeluaran ternakan dengan menggunakan sistem pengurusan, pembiakan dan pemakanan ternakan yang menggunakan teknologi moden yang sesuai.
- Menggalakkan penyertaan penternak-penternak kecil di dalam rancangan penternakan secara program tersusun seperti program tenusu, lembu pedaging, ternakan kerbau, kambing/bebiri dan rusa.
- Menambah dan membekalkan ternakan-ternakan yang bermutu melalui pembiakan dan pengimportan baka ternakan yang bermutu tinggi.
- Menggunakan sumber bekalan makanan ternakan yang bermutu tinggi melalui pembangunan dan penggunaan padang ragut, tanaman rumput/foder persendirian dan penggunaan sisa-sisa pertanian serta integrasi di antara tanaman dengan ternakan.
- Menyampaikan perkhidmatan kesihatan veterinar yang cekap dan memuaskan ke arah peningkatan taraf penternakan dan pertumbuhan industri ternakan.
- Menyampaikan perkhidmatan kesihatan awam veterinar supaya makanan yang dihasilkan daripada ternakan dapat disampaikan dalam keadaan selamat dan berkualiti.
- Menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan ke arah meningkatkan pengeluaran dan kesihatan ternakan.
- Menambah kemudahan-kemudahan latihan dan pengembangan serta khidmat nasihat susulan untuk menentukan kejayaan rancangan-rancangan penternakan melalui peningkatan kemahiran dan pengetahuan.
- Menambah kemudahan infrastruktur Jabatan supaya dapat memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar dengan lebih mudah dan meluas.
- Mewujudkan kepakaran dalam bidang kawalan pencemaran dari aktiviti penternakan.
- Memastikan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan bidang veterinary berjalan dengan baik.

FUNGSI

Menurut perintah dalam Ordinan Haiwan 1962 JPHPT Sabah telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali fungsi-fungsi seperti berikut:

- Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan ternakan.
- Pengawalan, pencegahan dan penghapusan penyakit haiwan, kuarantin dan penyelidikan.
- Penggandaan latihan bagi industri ternakan.
- Pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil ternakan.
- Pemeriksaan daging, susu, telur dan pengawalan tempat penyembelihan.
- Pengembangan pengeluaran dan kesihatan ternakan.

STRUKTUR JPHPT



KAWASAN PENGELUARAN UTAMA



KEY PRODUCTION AREA
(KAWASAN PENGELUARAN UTAMA)
PENGWUJUDAN K.P.A. (KAWASAN PENGELUARAN UTAMA)
ADALAH SEBAGAI SATU USAHA DAN PENDEKATAN BARU DALAM
PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN DI MANA USAHA AKAN *DIFOKUSKAN* KEPADA
PENGELUARAN KOMODITI UTAMA BERDASARKAN KEPADA KESESUAIAN KAWASAN.

STATUS INDUSTRI

Industri ternakan Negeri Sabah memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengeluaran pertanian dan seterusnya kepada ekonomi negeri dan negara. Populasi ternakan adalah seperti dalam Jadual 1. Sub-sektor bukan ruminan masih lagi mengungguli sub-sektor ruminan.

Jadual 1. Anggaran Populasi Ternakan RMK-10 (2011-2015)

Spesis	Bilangan (ekor)				
	2011	2012	2013	2014	2015
Lembu pedaging	43,093	44,500	45,830	46,746	47,680
Lembu tenusu	7,488	10,164	12,010	9,440	9,670
Kerbau	18,158	18,000	17,844	19,207	19,620
Kambing	59,714	65,000	70,750	84,370	77,560
Bebiri	899	950	1,004	1,029	1,054
Babi spp*	91,320	94,240	97,260	100,370	103,600
Unggas, ayam pedaging spp*	2,832,800	2,770,700	2,859,100	3,041,800	3,182,900
Unggas, ayam penelur spp*	2,289,000	2,578,500	2,783,200	2,992,500	3,006,500
Unggas, itik pedaging spp*	20,400	21,000	22,000	13,850	13,580
Unggas, itik penelur spp*	20,020	26,800	31,100	31,210	29,050


Berpandukan kepada populasi ternakan dan penyembelihan sepanjang tahun yang sama, anggaran nilai hasil ternakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2

Jadual 2. Anggaran Hasil Ternakan RMK-10 (2011-2015)


Jenis hasil ternakan	Pengeluaran					Nilai (juta RM)				
	2011	2012	2013	2014	2015	2011	2012	2013	2014	2015
Daging kerbau (m/tan)	38.50	146.65	188.97	172.73	185.36	0.68	3.23	4.16	3.80	4.08
Daging lembu tempatan (m/tan)	490.00	332.36	294.84	359.24	414.12	10.68	7.98	7.08	8.62	9.52
Daging khinzir (m/tan)	8,050.00	8,670.13	8,666.56	8,763.72	8,074.4	134.44	149.13	149.06	150.74	145.34
Daging ayam (m/tan)	28,971.8	37,967.5	41,305.9	64,800.0	47,017.8	266.54	356.89	388.28	609.12	460.77
Daging itik (m/tan)	591.00	472.80	450.00	450.00	387.03	8.27	5.67	5.40	5.40	4.64
Telur ayam (juta biji)	603.02	573.71	580.00	748.25	905.33	229.15	229.49	232.00	299.30	344.03
Telur itik (juta biji)	4.94	4.66	4.70	4.70	7.95	5.43	5.12	5.17	5.17	9.94
Susu segar (juta liter)	8.70	9.96	8.53	9.64	10.6	21.75	24.03	21.33	24.10	26.50
Jumlah NILAI (JUTA RM)						676.94	781.53	812.48	1,106.25	1,004.83

Nilai hasil ternakan telah meningkat pada dari tahun ke tahun. Prestasi industri ternakan cukup memberangsangkan walaupun pelbagai kemelut turut mempengaruhi semua aktiviti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Carta 1 menunjukkan perbandingan nilai pengeluaran hasil ternakan negeri ini. Peratusan ini dijangka akan terus meningkat seiring dengan pemulihan ekonomi negara sepenuhnya.

Carta 1. Nilai Pengeluaran Hasil Ternakan Negeri Sabah RMK-10 (2011 – 2015)



Carta 2. Pebandingan Pelbagai Jenis Hasil Ternakan Negeri Sabah RMK-10 (2011– 2015)



Sumber protein berdasarkan daging di dalam negeri telah dipenuhi melalui bekalan daging segar tempatan dan import. Pengeluaran ayam dan babi negeri Sabah telah lama mencatat tahap saradiri. Pada tahun ini, Sabah telah mengeksport ternakan hidup dan hasil ternakan ayam/itik dan babi ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak, Selangor Darul Ehsan dan Negara Brunei Darussalam. Walaupun masih pada tahap pembangunan, sektor tenusu telah mula menunjukkan potensinya dalam industri ternakan di negeri Sabah. Sebahagian daripada hasil tenusu Sabah berbentuk susu segar dan susu pasteur telah dieksport ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Brunei Darussalam.

Industri ternakan di negeri ini akan terus tertekan dengan pesatnya pembangunan perindustrian dan terhimpit oleh perbandaran. Kawasan penternakan semakin sempit dan tidak sesuai untuk pemeliharaan secara ekstensif dan lepas bebas.

Bagi memenuhi permintaan yang tinggi, sistem pengeluaran ternakan akan berubah dari bentuk tradisional kepada lebih bercorak intensif, komersial dan berteknologi tinggi. Penggunaan tanah akan dimaksimumkan dengan mempelbagaikan dan mengintegrasikan perusahaan ternakan dengan pertanian. Sementara lebih penggunaan tempatan bagi sektor ayam dan babi telah dieksport, keperluan bekalan tempatan bagi daging lembu/kerbau pula terpaksa dipenuhi dengan mengimport dari luar negara.

Industri ternakan juga akan berkembang dari yang berbentuk perladangan dan pengeluaran hasil kepada industri pemprosesan dan hiliran. Infrastruktur dan polisi perindustrian yang menggalakkan boleh mendorong para usahawan menceburkan diri dalam bidang perindustrian berasaskan hasil ternakan. Ruangan pasaran yang berkembang dan permintaan yang tinggi kepada hasil ternakan akan mendorong perkembangan industri ini.

PRESTASI INDUSTRI TERNAKAN

Kadar kelahiran yang lambat dan penyembelihan yang tinggi merupakan faktor penghambat kepada pertumbuhan bilangan populasi ternakan dalam usaha mengeluarkan anak lembu/kerbau jantan untuk digemukkan, justeru itu menyumbang kepada pengeluaran daging tempatan di tahap rendah, kemampuan memenuhi permintaan pasaran tempatan masih belum tercapai dan banyak bergantung kepada pengimportan daging.

Dalam usaha membangunkan industri ruminan, jabatan telah mengambil pendekatan secara proaktif di mana kawasan-kawasan yang sesuai dijadikan kawasan menternak diberi keutamaan dengan menyalurkan bantuan teknikal dan kepakaran. Sistem penternakan secara integrasi telah mula menunjukkan pencapaian yang positif di mana penternak di kawasan perladangan mendapat manfaat yang maksimum melalui kaedah ini.

Walaupun bagaimanapun, sumbangan pengeluaran daging tempatan ke atas keperluan hanya sebanyak 5%-6%. Bekalan daging dingin dan beku dari Australia, India dan juga New Zealand merupakan alternatif untuk menampung permintaan daging setempat, sektor perhotelan dan perniagaan makanan harian.

Ayam/Itik

Pengeluaran daging ayam adalah dari ladang-ladang yang kebanyakannya terdapat di sebelah pantai barat dan pantai timur negeri Sabah yang mana arah alirannya adalah menuju kepada penternakan komersial yang lebih tersusun dan moden.

Pengeluaran daging ayam di negeri Sabah bukan sahaja mampu menampung permintaan tempatan malah telah dieksport ke Brunei, Selangor, Sarawak dan W.P. Labuan.

Pada tempoh yang sama pengeluaran daging itik disumbangkan oleh ladang itik kebanyakannya berada di daerah Sandakan dan Tawau.

Pengeluaran telur ayam dihasilkan oleh ladang yang terletak di pantai barat Sabah. Di samping itu, pengeluaran telur itik di mana kebanyakkan telur itik telah dijadikan telur masin bagi menampung keperluan pasaran tempatan. Pengeluaran telur itik telah disumbangkan oleh ladang-ladang itik yang terdapat pantai barat dan daerah Sandakan.

Babi

Penghasilan daging babi di negeri Sabah dimajukan ke tahap komersial terutamanya untuk memenuhi permintaan setempat. Bagi mengelakkan masalah pencemaran dan sosial, pendekatan pembangunan akan diubahsuai ke arah pembentukan satu kawasan penternakan babi berpusat dan bersifat mesra alam. Proses hiliran untuk bahan-bahan nilaian akan digalakkan serta penekanan keatas kualiti dan keselamatan makanan.

Kambing dan Bebiri

Permintaan ke atas daging kambing di negeri Sabah dipenuhi dengan bekalan daging bebiri yang diimport. Namun demikian, pengeluaran kambing akan diperluas dan penternakan kecil-kecilan dinaiktaraf ke tahap komersial melalui penternakan bersepadu dengan aktiviti ternakan yang sedia ada.

Lembu Tenusu

Walaupun kawasan ragutan semakin berkurangan, penternakan lembu tenusu dijangka akan terus berkembang sehingga ke dekad yang akan datang kerana ternakan ini boleh ditenak secara lebih intensif. Pulangan yang baik akan terus mengekalkan minat para pengusaha untuk giat di dalam bidang ini.

Penternak projek lembu tenusu merupakan penyumbang utama susu segar, selebihnya dihasilkan oleh dua ladang kepunyaan jabatan dan Desa Cattle Sdn. Bhd. Keluaran susu mentah dan susu pasteur negeri setakat ini belum mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi. Ruang pasaran yang ditawarkan menjanjikan perkembangan industri ini di masa hadapan.

Jadual 3. Prestasi Projek Lembu Tenusu Negeri Sabah RMK-10 (2011 – 2015)

Tahun	Jumlah Ladang	Jumlah Populasi Induk	Lahir	Mati	Jual Potong	Jual Baka	Lembu Impot	Produksi Susu
2011	103	9,020	3,721	411	1,523	820	-	8,701,780.12
2012	103	8,602	4,203	428	1,008	375	-	8,645,948.50
2013	103	8,409	4,271	369	1,386	172	-	8,480,593.20
2014	115	8,207	4,021	505	1,505	180	-	9,269,442.70
2015	109	8,919	4,221	403	903	145	-	9,053,486.50

Pemprosesan dan Industri Hiliran


Aktiviti pemprosesan hasil ternakan dan hiliran boleh diterokai, kerana terdapat ruang pasaran yang sedia ada dan permintaan produk ternakan yang tinggi. Pemprosesan hasil daripada ternakan seperti daging lembu/kerbau, ayam/itik, babi dan hasil-hasil sampingannya mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Bahan-bahan mentah boleh diimport atau menggunakan bahan sampingan yang diperolehi dari sumber tempatan.

KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN

Prestasi Kewangan

Secara keseluruhannya, jabatan telah menerima peruntukan sebanyak RM 152,842,485.00 dari sumber persekutuan dan negeri untuk mengurus dan pembangunan bagi RMK-10 (jadual 4.5,6). Dalam tempoh perbelanjaan RMK-10, sebanyak RM 130,685,089.93 telah dibelanjakan untuk menampung perbelanjaan pembangunan dan manakala jumlah dibelanjakan untuk mengurus adalah sebanyak RM 277,810,231.42.

Carta 3. Peruntukan Pembangunan dan Perbelanjaan Negeri dan Persekutuan RMK-10 (2011-2015)



Carta 4. Peruntukan dan Perbelanjaan Pengurusan RMK-10 (2011-2015)



Jadual 4, Prestasi Kewangan Jabatan (Peruntukan Negeri)

Butiran Vot	2011		2012		2013		2014		2015	
	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar
Pusat Pembanyakan Ternakan (Pusat Pembanyakan Ternakan Kota Belud Dan Tongod)	-	-	400,000.00	374,105.99	600,000.00	571,919.94	600,000.00	566,530.98	600,000.00	554,513.08
Makmal Diagnostic Veterinar	500,000.00	463,149.66	600,000.00	551,817.98	600,000.00	542,330.92	600,000.00	577,914.23	600,000.00	521,899.80
Stesen Kuarentin Haiwan	520,000.00	500,879.65	500,000.00	496,469.48	520,000.00	516,872.48	520,000.00	519,071.71	520,000.00	509,209.29
Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang	1,000,000.00	993,206.95	1,000,000.00	943,618.60	1,000,000.00	996,956.82	1,000,000.00	971,732.95	1,000,000.00	744,457.79
Stesen Pembiakan Ternakan Tawau	500,000.00	498,105.03	500,000.00	484,653.71	500,000.00	482,476.29	450,000.00	446,394.11	450,000.00	422,047.80
Kereta-Kereta & Perahu-Perahu	82,000.00	81,981.12	100,000.00	99,954.22	115,000.00	114,950.57	170,000.00	169,962.24	-	-
Bangunan-Bangunan	230,000.00	-	10.00	-	1,200,000.00	64,858.95	500,010.00	216,591.00	635,000.00	411,318.69
Projek Pembangunan Ayam/Itik (Unggas)	100,000.00	95,687.10	300,000.00	269,057.07	500,000.00	400,550.65	350,000.00	340,278.79	350,000.00	329,658.39
Projek Lembu Tenusu	2,500,000.00	2,428,650.76	2,000,000.00	1,923,559.73	2,000,000.00	1,950,589.22	2,000,000.00	1,989,280.98	2,000,000.00	1,842,308.36
Pusat Pembiakan Kambing	600,000.00	586,416.09	500,000.00	492,037.49	800,000.00	799,983.12	600,000.00	590,800.25	600,000.00	544,959.53
Projek Pembangunan Itik	200,000.00	192,935.10	500,000.00	486,080.90	600,000.00	516,699.52	400,000.00	397,434.84	400,000.00	398,850.26
Projek Kerbau Telupid	600,000.00	598,580.44	600,000.00	593,055.35	700,000.00	672,377.89	700,000.00	673,492.89	700,000.00	646,597.08
Projek Kemajuan Payau	500,000.00	499,639.49	500,000.00	432,045.02	400,000.00	371,150.18	380,000.00	363,322.37	400,000.00	390,039.85
Pusat Latihan Menternak	500,000.00	477,617.55	500,000.00	259,802.66	2,000,000.00	1,961,696.49	1,000,000.00	983,745.15	365,000.00	321,923.82

Laporan Tahunan JPHPT RMK-10

Pengeluaran Makanan Ternakan	1,000,000.00	953,776.74	1,000,000.00	921,110.33	1,000,000.00	919,161.08	1,000,000.00	903,623.40	1,000,000.00	957,584.74
Pusat Menternak Lembu Dara Ternakan (Pusat Penjanaan Baka Lembu Kalumpang Ternakan)	-	-	345,000.00	329,109.77	280,000.00	263,436.10	300,000.00	283,864.87	300,000.00	181,262.78
Kemudahan Perkhidmatan Pengembangan Ternakan	250,000.00	249,427.99	400,000.00	398,723.51	400,000.00	385,148.87	400,000.00	398,291.34	400,000.00	385,245.16
Projek Pembangunan Arnab	-	-	-	-	150,000.00	127,344.20	150,000.00	145,776.96	150,000.00	109,911.51
Pusat Bioteknologi	500,000.00	493,589.41	900,000.00	699,391.96	470,000.00	468,070.93	500,000.00	495,364.25	500,000.00	369,937.85
Pusat Pembiakan Ayam Kampung	-	-	-	-	300,000.00	259,181.07	200,000.00	195,421.87	200,000.00	159,533.20
Rumah Penyembelihan & Kesihatan Awam Veterinar	1,890,000.00	1,875,178.35	900,000.00	857,547.09	1,000,000.00	974,569.43	1,000,000.00	958,503.02	1,000,000.00	954,572.94
Skim Pembangunan Ternakan Nabawan-TKPM	500,000.00	492,149.18	300,000.00	285,584.08	300,000.00	285,062.76	350,000.00	329,073.00	350,000.00	301,809.83
Program Pengeluaran Baka Lembu Tenusu	500,000.00	490,334.58	500,000.00	496,000.52	500,000.00	487,307.04	500,000.00	485,507.24	500,000.00	343,485.23
Kilang Makanan Ternakan Ruminan Kalumpang	185,400.00	183,301.75	180,000.00	179,115.00	1,080,000.00	988,510.03	1,000,000.00	903,087.94	1,000,000.00	789,099.45
Pusat Peningkatan Baka Kambing Kunak	500,000.00	485,138.76	500,000.00	470,052.73	260,000.00	243,660.62	300,000.00	589,895.88	300,000.00	289,222.06
Pusat Peningkatan Baka Lembu Pedaging, Pulau Sebatik	400,000.00	388,222.72	290,000.00	269,728.03	400,000.00	371,121.78	350,000.00	320,432.01	350,000.00	337,242.49
Program Kawalan, Pencegahan dan Pembasmian Penyakit Haiwan	700,000.00	672,580.20	700,000.00	611,866.95	700,000.00	629,707.23	700,000.00	626,726.97	700,000.00	667,048.15
Projek Peningkatan Perkhidmatan Klinik Veterinar	500,000.00	487,770.40	500,000.00	435,994.34	500,000.00	441,448.09	500,000.00	460,282.81	500,000.00	476,898.17
Projek Integrasi Ternakan PINTAR	500,000.00	480,044.87	500,000.00	442,195.63	500,000.00	494,994.88	500,000.00	496,440.74	500,000.00	499,863.73

Laporan Tahunan JPHPT RMK-10

Projek Pembangunan & Peningkatan Kemudahan Penguatkuasa Veterinar	250,000.00	226,472.76	250,000.00	249,341.95	500,000.00	464,532.48	500,000.00	442,261.81	500,000.00	478,238.57
Program Peningkatan Kualiti Hasil Keluaran Ladang Ternakan	-	-	200,000.00	178,206.89	200,000.00	187,476.20	200,000.00	193,604.43	200,000.00	188,036.61
Program penternakan burung walit	200,000.00	199,600.00	200,000.00	152,039.00	100,000.00	99,265.50	100,000.00	99,757.50	100,000.00	99,486.50
program pembangunan ternakan ruminan	-	-	-	-	800,000.00	740,073.45	400,000.00	384,636.74	1,000,000.00	996,596.61
Program pembangunan industri asas ternakan	-	-	-	-	-	-	500,000.00	492,694.00	500,000.00	495,815.90
JUMLAH KESELURUHAN	15,707,400.00	15,094,436.65	15,665,010.00	14,382,265.98	20,975,000.00	18,793,484.78	18,720,010.00	17,711,799.27	18,670,000.00	16,718,675.22

Prestasi Kewangan Jabatan (Peruntukan Persekutuan)

Butiran Vot	2011		2012		2013		2014		2015	
	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar
Makmal Diagnostik Veterinar	2,000,000.00	-	-							
Projek Lembu Tenusu	4,800,000.00	4,744,923.19	4,000,000.00	3,684,547.59	4,750,000.00	4,685,640.47	1,000,000.00	999,106.30	5850000	4391329.14
Pembangunan Tanah Untuk DPN3	2,100,000.00	1,162,510.25	-	-						
Projek Itik	300,000.00	293,314.19	500,000.00	498,621.98	500,000.00	492,252.25				
Projek Kawasan Penternakan Babi							1,000,000.00	605,468.44	7500000	3621776.96
Projek Lembu Pedaging	4,950,000.00	3,299,663.42	5,825,000.00	3,395,026.05	7,960,000.00	6,547,057.19	4,060,000.00	3,927,972.70	4350000	4048468.21
Projek Epidemiologi Veterinar	-	-	700,000.00	664,953.00	700,000.00	687,600.00				
Pembangunan Usahawan Industri Ternakan	250,000.00	234,196.60	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	14,400,000.00	9,734,607.65	11,025,000.00	8,243,148.62	13,910,000.00	12,412,550.01	6,060,000.00	5,532,547.44	17,700,000.00	12,061,574.31

Prestasi Kewangan Jabatan (Peruntukan Negeri)

Butiran Vot	2011		2012		2013		2014		2015	
	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Sebenar
Pentadbiran Emolumen Kakitangan	18,655,000.00	18,197,773.59	19,706,000.00	18,763,231.05	21,075,000.00	19,496,457.94	22,735,000.00	21,684,635.55	22,979,769.08	21,442,676.75
Pentadbirab Sumber Manusia	569,000.00	484,816.00	694,000.00	604,090.00	755,000.00	706,244.00	811,010.00	738,401.00	852,210.00	813,013.00
Pentadbiran Am Pejabat	1,120,010.00	967,472.00	1,240,010.00	1,175,300.67	1,290,010.00	1,279,386.07	1,335,010.00	1,297,489.51	1,035,010.00	1,028,862.00
Pameran & Pertunjukan	185,000.00	156,828.00	180,000.00	165,653.00	185,000.00	169,523.00	185,000.00	178,140.00	185,000.00	179,137.00
Buruh	4,000,000.00	3,141,749.08	4,500,000.00	3,377,591.66	3,300,000.00	2,838,743.17	3,495,000.00	3,302,229.80	3,364,000.00	3,281,955.00
Persidangan Tahunan JPHPT Sabah	30,000.00	28,713.00	30,020.00	30,000.00	30,020.00	29,999.00	30,020.00	29,970.00	39,000.00	33,584.00
Perkhidmatan Keselamatan	425,000.00	421,832.00	460,000.00	372,984.80	510,000.00	509,191.79	500,000.00	489,597.72	500,000.00	481,587.00
Penyenggaraan Bangunan	1,165,010.00	1,118,166.00	1,440,010.00	1,396,833.90	1,700,000.00	1,657,924.40	1,500,000.00	1,292,431.10	1,500,010.00	1,444,573.00
Pengendalian & Penyenggaraan Loji, Kenderaan & Perkakas	860,000.00	853,428.00	900,000.00	864,560.76	900,000.00	694,504.28	900,000.00	889,423.07	800,000.00	712,802.00
Pengendalian & Penyenggaraan Stesen	345,000.00	324,513.00	395,000.00	346,538.70	410,000.00	401,332.35	370,000.00	350,901.95	370,000.00	340,048.00
Pengendalian & Penyenggaraan Perahu Lanca Jabatan	105,000.00	98,821.00	25,010.00	20,798.60	45,010.00	44,550.00	45,010.00	43,971.70	45,010.00	38,852.00
Pengendalian & Penyenggaraan Kilang Makanan	130,000.00	77,262.00	103,000.00	88,012.42	80,000.00	44,820.11	88,000.00	66,296.83	63,000.00	43,004.00
Pengendalian & Penyenggaraan Perpustakaan	25,000.00	24,993.00	25,000.00	23,389.00	28,000.00	27,972.00	28,000.00	27,991.00	28,000.00	27,996.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Pembiakan Ayam Itik	240,000.00	228,432.00	290,000.00	286,429.60	280,000.00	270,580.31	295,000.00	294,041.62	295,000.00	289,313.00

Laporan Tahunan JPHPT RMK-10

Pengendalian & Penyenggaraan Unit Pembiakan Khinzir	100,010.00	92,180.00	100,010.00	80,674.76	110,000.00	99,277.84	110,010.00	106,882.99	110,010.00	94,350.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Pembiakan Amab	22,000.00	21,276.00	70,000.00	69,710.36	50,000.00	44,033.70	70,000.00	69,255.50	60,000.00	56,653.00
Pengendalian & Penyenggaraan Pembiakan Kambing Bongawan	30,000.00	27,996.00	36,000.00	29,311.84	40,000.00	34,956.00	42,000.00	39,797.00	42,000.00	40,046.00
Pengendalian & Penyenggaraan Kuarantin Kandang Anjing & Kucing	33,000.00	30,686.00	33,000.00	32,863.00	43,200.00	43,178.00	50,000.00	48,863.00	50,000.00	49,921.00
Pengendalian & Penyenggaraan Rancangan Pendaftaran Suntikan	100,000.00	85,129.00	100,000.00	81,677.00	90,000.00	57,975.00	90,000.00	61,715.00	80,000.00	51,021.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Burung Puyuh	80,000.00	77,485.00	135,000.00	134,487.00	105,000.00	80,639.00	105,000.00	104,753.00	95,000.00	94,933.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Angsa	30,000.00	29,805.00	75,000.00	66,743.00	75,000.00	65,238.71	75,000.00	66,239.00	80,000.00	73,003.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Pemeriksaan Daging	62,000.00	55,000.00	73,500.00	59,170.00	68,500.00	50,749.00	73,500.00	62,206.00	63,500.00	48,767.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Audio Visual	24,000.00	23,664.00	24,000.00	23,945.00	24,000.00	20,480.00	24,000.00	23,013.00	23,000.00	22,954.00
Pengendalian & Penyenggaraan Unit Pemeriksa & Penguatkuasa Veterinar	159,000.00	112,797.00	142,000.00	105,156.00	141,000.00	123,240.00	143,000.00	125,162.00	142,000.00	119,212.00
Pengendalian & Penyenggaraan Pusat Teknologi Daging Sabah	255,000.00	240,913.00	260,000.00	253,175.00	261,000.0	238,401.00	245,000.00	234,818.00	245,000.00	240,014.00
Pengendalian & Penyenggaraan Makmal Kesihatan Awam Veterinar Kota Kinabalu	210,000.00	202,265.00	210,00.00	205,835.19	210,000.00	189,009.65	250,000.00	246,037.12	230,000.00	226,902.00
Pengendalian & Penyenggaraan Ladang Ruminan	200,000.00	162,250.00	370,000.00	347,612.00	340,000.00	313,804.00	360,000.00	335,573.00	360,000.00	306,970.00
Banci Ternakan	50,000.00	49,724.00	30,000.00	26,124.00	55,000.00	40,746.00	45,000.00	29,709.00	45,000.00	40,951.00
Pembelian Susu Daripada Penternak	19,250,030.00	19,102,099.00	22,100,030.00	21,955,839.00	24,695,000.00	23,169,017.00	22,270,010.00	22,112,413.00	20,160,010.00	19,725,758.00
Perkhidmatan Pembersihan Rumah Sembelih	165,000.00	133,406.00	152,000.00	139,754.82	152,000.00	136,915.67	87,000.00	54,829.24	87,000.00	83,579.00

Laporan Tahunan JPHPT RMK-10

Pendidikan Veterinar	260,000.00	231,338.00	190,000.00	145,925.87	230,000.00	212,391.50	230,000.00	200,195.67	230,000.00	196,907.00
Ubat-Ubatan & Perkakas-Perkakas	900,000.00	890,774.00	950,000.00	902,472.74	1,000,000.00	975,363.84	1,000,000.00	924,322.20	1,000,000.00	979,492.00
Bahan-Bahan Makanan	1,500,000.00	1,334,827.00	1,500,000.00	1,419,529.00	1,550,000.00	1,524,973.45	1,700,000.00	1,694,095.00	1,700,000.00	1,682,660.00
Pembangunan Daerah	75,000.00	74,984.00	95,000.00	92,084.00	85,000.00	82,533.00	85,000.00	84,358.00	85,000.00	84,906.00
Pembelian Ternakan	8,178,600.00	7,659,021.00	-	-	-	-	-	-	-	-
Kelengkapan Pejabat	10.00	-	10.00	-	10.00	-	10.00	-	10.00	-
Bantuan Musim Kemarau/Banjir & Mengganti Rugi Penyembelihan Yang Diwajibkan Di Dalam Menghadapi Penyakit Berjangkit	10.00	-	10.00	-	10.00	-	10.00	-	10.00	-
JUMLAH KESELURUHAN	59,537,680.00	56,762,417.67	56,633,610.00	53,687,503.74	59,912,790.00	55,674,150.69	59,371,600.00	57,309,757.57	56,943,549.08	54,376,401.75

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Latihan dan Kursus


Aset penting bagi sebuah jabatan atau organisasi ialah tenaga kerja yang mahir. Ia merupakan penggerak utama dalam pembangunan sektor penternakan di negeri Sabah agar ianya maju dan bercorak kompetitif. Dalam menyediakan golongan tenaga mahir dan terlatih, tanggungjawab ini telah diberikan kepada Pusat Pengurusan Veterinar Tuaran. Pusat ini berfungsi untuk merancang, menyelaraskan dan mengatur aktiviti serta pendidikan yang bertujuan meningkatkan kepakaran kakitangan agar ianya relevan dengan masa dan dapat menyampaikan dan menyalurkan ilmu pengetahuan serta kemahiran kepada pengusaha ternakan dan kumpulan sasar Jabatan yang lain. Disamping itu, modul latihan yang bersesuaian juga direka untuk memberi pendidikan kepada para penternak serta peserta dari agensi-agensi lain.

Seramai 86 orang kakitangan telah berjaya menjalani berbagai jenis latihan berkenaan dengan bidang tugas masing-masing. Sementara itu, 149 orang penternak telah menghadiri pelbagai kursus pengurusan ternakan dalam tempoh setahun ini.

Jadual 10. Jumlah Peserta Kursus Anjuran Jabatan RMK-10

Kategori	Tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015
Anggota Jabatan	947	1,237	1,196	863	1,093
Penternak/Orang awam	404	412	347	294	188
Jumlah	1,351	1,649	1,543	1,157	1,281

Carta 5. Peserta Kursus Anjuran Jabatan RMK-10



PEMBANGUNAN PENTERNAKAN

Ladang-Ladang Jabatan

Tujuan utama ladang-ladang ternakan jabatan diwujudkan adalah untuk membiak baka induk ternakan yang berkualiti bagi membekal baka ternakan kepada para penternak. Selain daripada itu, ianya memberi latihan kepada kakitangan jabatan dan penternak.

Prestasi ladang-ladang JPHPT adalah seperti tercatat di dalam jadual-jadual berikut :-

Jadual 11. Prestasi Ladang Ruminan Besar Jabatan 2011-2015

Perkara	Stesen Pebiakan Ternakan Batu 16, Tawau				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	115	136	156	171	128
Betina	310	314	315	366	350
Anak	81	62	73	80	68
Kelahiran	116	87	94	157	160
Kematian	33	22	14	37	69
Jualan	51	45	9	102	69
Agihan	39	35	2	11	28
Pungutan Hasil (RM)	134,400.50	123,433.50	21,457.00	250,202.00	303,329.50
Perkara	Pusat Pebiakan Ternakan Wario II, Entilibon				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	35	36	38	48	25
Betina	230	201	186	164	154
Anak	60	62	69	52	49
Kelahiran	101	91	80	85	69
Kematian	66	62	67	65	67
Jualan	88	70	16	50	29
Agihan	1	116	92	31	32
Pungutan Hasil (RM)	17,298.00	13,317.00	25,305.00	20,325.00	16,227.00
Perkara	Pusat Pebiakan Ternakan Timbang Menggaris				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	65	N/A	20	N/A	28
Betina	281	N/A	150	N/A	161
Anak	199	N/A	217	N/A	83
Kelahiran	118	N/A	106	N/A	49
Kematian	100	N/A	52	N/A	55
Jualan	93	N/A	31	N/A	81
Agihan	0	N/A	7	N/A	N/A
Pungutan Hasil (RM)	17,772.00	N/A	N/A	N/A	19,914.00
Perkara	Pusat Pebiakan Ternakan Wario I				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	107	78	30	30	25
Betina	283	216	130	129	112
Anak	31	39	40	46	14
Kelahiran	123	27	15	7	37
Kematian	76	104	54	64	59
Jualan	40	0	10	0	7
Agihan	19	0	20	40	10
Pungutan Hasil (RM)	56,500.00	0	37,800.00	60,000.00	25,500.00
Perkara	Pusat Pengeluaran Baka Lembu Tenusu Tajau, Kudat				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	148	3	5	N/A	N/A
Betina	163	446	60	N/A	N/A
Anak	-	145	131	N/A	N/A
Kelahiran	-	-	-	N/A	N/A
Kematian	147	37	8	N/A	N/A
Jualan	48	96	149	N/A	N/A
Agihan	10	85	135	N/A	N/A
Pungutan Hasil (RM)	48,265.00	328,947.50	586,496.00	N/A	N/A

Jadual 12. Prestasi Ladang Ruminan Kecil Jabatan 2011-2015


Perkara	Stesen Pembiakan Kambing Lahad Datu				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	35	36	38	48	25
Betina	230	201	186	164	154
Anak	60	62	69	52	49
Kelahiran	101	91	80	85	69
Kematian	66	62	67	65	67
Jualan	88	70	16	50	29
Agihan	1	116	92	31	32
Pungutan Hasil (RM)	17,298.00	13,317.00	25,305.00	20,325.00	16,227.00
Perkara	Pusat Pembiakan Bebiri Ranau				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	65	N/A	N/A	N/A	N/A
Betina	281	N/A	N/A	N/A	N/A
Anak	199	N/A	N/A	N/A	N/A
Kelahiran	118	N/A	N/A	N/A	N/A
Kematian	100	N/A	N/A	N/A	N/A
Jualan	93	N/A	N/A	N/A	N/A
Agihan	0	N/A	N/A	N/A	N/A
Pungutan Hasil (RM)	17,772.00	N/A	N/A	N/A	N/A
Perkara	Pusat Pembiak Baka Kambing Sabahan, Kunak				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jantan	107	78	30	30	25
Betina	283	216	130	129	112
Anak	31	39	40	46	14
Kelahiran	123	27	15	7	37
Kematian	76	104	54	64	59
Jualan	40	N/A	10	0	7
Agihan	19	N/A	20	40	10
Pungutan Hasil (RM)	56,500.00	N/A	37,800.00	60,000.00	25,500.00

Dalam pada itu jabatan juga melibatkan diri dalam penghasilan makanan ternakan untuk menampung keperluan makanan ternakan di ladang-ladang Jabatan. Sepanjang RMK-10, kilang makanan jabatan telah menghasilkan 106,560 bag pelbagai jenis makanan ternakan yang berjumlah 5,328 tan metrik untuk diedarkan ke ladang-ladang Jabatan.

Jadual 13. Pengeluaran Pelbagai Makanan Ternakan Jabatan RMK-10 (2011-2015)

Jenis Makanan Ternakan	2011	2012	2013	2014	2015
	Berat (m/tan)	Berat (m/tan)	Berat (m/tan)	Berat (m/tan)	Berat (m/tan)
Lembu Tenusu (Dairy Supplement)	173.75	136.45	179.65	177.50	114.90
Lembu Pedaging (Cattle Supplement)	273.75	211.80	678.90	496.55	515.70
Anak Lembu (Calf Starter)	19.15	36.60	53.10	19.55	36.50
Kambing Pembesar (Goat Supplement)	359.30	219.35	407.25	341.30	313.45
Itik Pemiak (Duck Breeder)	64.90	55.95	121.00	95.05	57.55
Itik Penelur (Duck Layer)	12.20	11.15	22.65	10.00	1.10
Turki Pembesar (Turkey Grower)	3.70	-	-	-	-
Turki Pemiak (Turkey Breeder)	8.10	2.05	2.75	-	7.30
Angsa Pemiak (Geese Breeder)	8.55	1.50	6.25	3.35	8.45
Ayam Pemiak (Poultry Breeder)	8.62	7.00	13.25	7.10	17.65
Jumlah	932.05	681.85	1,484.80	1,150.05	1,079.25

Carta 5. Pengeluaran Pelbagai Makanan Ternakan Jabatan RMK-10 (2011-2015)



PERKHIDMATAN VETERINAR


Rawatan Ternakan

Perkhidmatan rawatan ternakan secara klinikal dan ambulatori disediakan di seluruh negeri. Tumpuan perawatan adalah ke atas haiwan ternakan yang bernilai ekonomi kepada penternak seperti lembu, kerbau dan kambing manakala haiwan kesayangan yang diterima di klinik juga dirawat dengan sewajarnya. Untuk ternakan seperti ayam, itik dan babi, perkhidmatan kesihatan dikendalikan oleh pihak ladang sendiri di mana masing-masing mempunyai perkhidmatan doktor veterinar swasta.

Jadual 14. Jumlah Kes Rawatan Beraneka Haiwan RMK-10

Tahun	Kes	Ekor
2011	18,283	219,681
2012	22,573	268,631
2013	29,141	247,857
2014	19,929	178,229
2015	22,038	103,886

Carta 3. Jumlah kes rawatan RMK-10




Secara keseluruhannya, 47.9% adalah kes rawatan ternakan. Jumlah ternakan ruminan yang dirawat adalah 21.77%, ternakan ayam/itik sebanyak 24.42%, ternakan babi 1.9%, manakala haiwan kesayangan dan lain-lain haiwan yang dirawat pula masing-masing sebanyak 51.03% dan 0.88%.

Perkhidmatan Pembedahan

Pada amnya perkhidmatan pembedahan kebanyakannya tertumpuh kepada haiwan kesayangan iaitu sebanyak 60.99%, manakala peratusan perkhidmatan pembedahan yang diberi kepada ternakan ruminan dan bukan ruminan pula adalah sekitar 39.01% (Carta 3 dan 4).


Carta 4. Jumlah pembedahan RMK-10



Kawalan Penyakit


Perkhidmatan suntikan pencegah penyakit adalah aktiviti utama jabatan. Suntikan pencegahan Ranikhet F dan S (dalam carta di bawah) tidak menggambarkan situasi sebenar oleh sebab perkhidmatan ini telah disediakan oleh pengamal swasta dan juga penternak sendiri, khasnya penternak komersial.

Carta 6. Pemberian pemvaksin ayam RMK-10



Suntikan H.S telah dijalankan bagi mencegah berlakunya wabak penyakit secara sporadik terutamanya menjelang musim tengkujuh. Ternakan yang ditenak secara lepas bebas telah menghalang kelicinan usaha kempen suntikan, sementara itu kerjasama para penternak pula tidak memberangsangkan. Bagaimanapun, wabak penyakit ini tidak mencapai tahap yang membimbangkan dan situasi adalah terkawal.

Carta 7. Pemberian pemvaksin kepada ternakan ruminan RMK-10.



Kesihatan Awam Veterinar

Unit Kesihatan Awam Veterinar Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah telah diwujudkan pada tahun 1986 di bawah seliaan Pegawai Veterinar Kepayan, Kota Kinabalu. Pada tahun 1994, unit ini telah diletakkan langsung di bawah Bahagian Epidemiologi dan Perubatan Veterinar. Peranan unit ini meliputi aspek-aspek Kawalan Penyakit Zoonotik, Kawalan Import-Eksport Haiwan dan Bahan-Bahan Asal Haiwan, Perkhidmatan Kuarantin Haiwan dan Penguatkuasaan Undang-Undang serta sebarang Peraturan yang melibatkan bidang veterinar.

Ternakan dan haiwan yang diimport akan diperiksa dan dikuarantin demi untuk menentukan haiwan tersebut sihat dan tidak berpenyakit zoonosis. Rumah sembelih ternakan yang berpiawaian antarabangsa adalah perlu untuk menggantikan yang sedia ada.

Citarasa masyarakat pengguna berubah bersesuaian dengan peredaran masa. Peningkatan taraf hidup serta tahap pengetahuan para pengguna yang tinggi akan menambah kesedaran tentang kesihatan awam. Daging yang bermutu tinggi dan tidak tercemar kini menjadi pilihan. Sehubungan dengan itu, pemeriksaan daging menjadi aktiviti yang penting bagi daging segar tempatan, dan daging beku yang diimport. Ini memastikan daging tersebut sihat, tidak berpenyakit berjangkit dan bersih dari pencemaran.

Pemeriksaan “ante-mortem” dan “post-mortem” yang lengkap dan sempurna ke atas ternakan perlu dijalankan secara bebas dan profesional bagi memastikan semua jenis daging adalah sihat dan selamat untuk dimakan bagi mengelakkan jangkitan penyakit zoonosis daripada haiwan kepada manusia. Walaupun terdapat pelbagai kemudahan kuarantin di daerah-daerah lain di negeri ini, sebahagian besar perkhidmatan kuarantin haiwan diberikan di Stesen Kuarantin Haiwan Kinarut. Ini kerana Kota Kinabalu merupakan pintu masuk utama ke negeri ini.


Kawalan Import dan Eksport

Perdagangan ternakan melalui pintu masuk Sabah adalah sentiasa aktif. Bilangan permit import dan eksport yang dikeluarkan sepanjang tahun berdasarkan laporan bahagian berkenaan masing-masing ialah sebanyak 6,693 dan 3,079 keping dengan nilai import berjumlah RM598.49 juta manakala nilai eksport pula adalah sebanyak RM70.71 juta.

Jadual 15. Import Berdasarkan Kategori RMK-10


Jenis Dagangan	Nilai CIF (RM)				
	2011	2012	2013	2014	2015
Ternakan hidup	17.57	14.83	16.94	11.39	14.29
Daging Lembu/kerbau	0.09	0.11	0.12	0.12	0.13
Daging Kambing	0.01	0.02	0.02	-	-
Daging khinzir	-	0.02	0.03	0.33	0.12
Daging ayam	0.03	0.03	0.03	0.02	0.02
Daging itik	2.01	3.53	4.24	4.54	2.62
Susu/hasil susu	345.30	273.63	252.64	290.35	307.54
Telur ayam/itik	0.10	1.12	0.43	0.27	0.56
Lain-lain	40.13	63.01	-	-	-
Jumlah	2,416.23	2,368.30	2,287.44	2,321.02	2,340.30

Carta 9. Nilai CIF import mengikut jenis dagangan



Jadual 16. Import Produk proses RMK-10

Produk proses	Tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015
	Nilai Juta RM	Nilai Juta RM	Nilai Juta RM	Nilai Juta RM	Nilai Juta RM
Daging		4.71	13.45	12.67	13.55
Daging Bebiri		0.14	0.04	0.02	0.03
Daging khinzir	-	0.02	2.89	2.84	4.79
Daging ayam	29.66	27.36	50.84	47.42	50.76
Daging turki			0.20	0.15	0.40
Lain-lain	40.13	63.01	52.55	62.31	61.61
Jumlah	69.79	95.24	119.98	125.41	131.14



PENJENISAN KERJA MAKMAL

Kes yang diterima oleh pusat ini sepanjang RMK-10 dikategorikan kepada 4 jenis kerja iaitu kes diagnostik, kes gerompok, kes monitoring dan kes projek kajian. Projek kajian yang dijalankan oleh MDVKK bagi tahun 2011 merangkumi Nipah surveillance, Rabies surveillance, HPAI surveillance dan ND surveillance, tahun 2012 Survelan Nipah, Survelan Rabies, Projek Penyiasatan Leptospirosis, Projek Pengujian Tuberculosis, Survelan HPAI dan Survelan ND, 2013 Survelan Nipah, Survelan Rabies, Projek Penyiasatan Leptospirosis, Projek Pengujian Tuberculosis, Survelan HPAI dan Survelan ND, 2014 Survelan Nipah, Survelan Rabies, Survelan Kebangsaan African Horse Sickness (Survelan Kebangsaan JPVKL), Survelan HPAI dan Survelan ND dan 2015 Survelan Rabies, Survelan HPAI, Survelan Kebangsaan African Horse Sickness (Survelan Kebangsaan JPVKL) dan Survelan ND. Graf dan Jadual yang berikut menunjukkan bilangan kes dan bilangan sampel yang diterima mengikut jenis kategori kerja.

Definasi jenis kerja

1. Diagnostik
Semua kes yang memerlukan diagnosis penyakit. (Rujuk jadual 3)
2. Kes Gerompok
Kes berkaitan penyakit di bawah Program Kawalan Penyakit Ternakan Kesihatan Gerompok seperti Brucellosis, Johne's, Melioidosis dan CLA. (Rujuk jadual 4)
3. Kes Monitoring
Ujian-ujian untuk mengkaji status pelalian atau pengamatan status penyakit bergerompok Salmonellosis, Pullorum, dll.


Kes monitoring yang dijalankan oleh makmal ini adalah program SCEP & SALT, kes yang memantau keberkesanan program vaksinasi ladang dan juga kesihatan ternakan dari masa ke semasa. (Rujuk jadual 5)

4. Projek Kajian
Projek-projek atau kajian penyelidikan khas.

Projek yang dijalankan oleh makmal ini adalah Nipah surveillance, Rabies surveillance, HPAI surveillance, ND surveillance, Projek Penyiasatan Leptospirosis, Projek Pengujian Tuberculosis dan Survelan Kebangsaan African Horse Sickness (Survelan Kebangsaan JPVKL). (Rujuk jadual 6)

Kes Diagnostik


Jadual 23. Bilangan sampel/kes diterima Jabatan RMK-10 (2011-2015)



Kes Kesihatan Gerompok


Jadual 24. Bilangan sampel/kes diterima Jabatan RMK-10 (2011-2015)

BILANGAN KES/SAMPEL	TAHUN				
	2011	2012	2013	2014	2015
Jumlah Kes	255	218	107	169	112
Jumlah Sampel	16,619	11,083	6,111	7,231	5,593




Kes Monitoring

Jadual 25. Bilangan sampel/kes diterima Jabatan RMK-10 (2011-2015)



Kes Kajian

Jadual 26. Bilangan sampel/kes diterima Jabatan RMK-10 (2011-2015)




Kawalan Penyembelihan

Penyembelihan ternakan yang didaftarkan pada tahun laporan adalah seperti di Jadual 28.

Jadual 27. umlah Penyembelihan Ternakan RMK-10

Jenis Ternakan	2011	2012	2013	2014	2015
Kerbau	73	419	454	386	411
Lembu	1,321	1,189	1,245	1,345	1,479
Kambing	48	179	93	843	385
Khinzir	113,325	124,634	123,725	125,227	115,349


PENYEMBELIHAN TERNAKAN RMK-10



Penyembelihan Ayam RMK-10

Daerah	2011	2012	2013	2014	2015
Keningau	574,717	758,929	823,690	981,652	1,158,838
Kota Kinabalu	4,654,728	2,776,202	2,927,755	3,637,091	3,867,459
Kudat	95,712	98,626	87,169	76,983	74,722
Lahad Datu	393,464	614,767	530,157	515,269	616,201
Penampang	3,661,637	3,744,462	3,800,985	4,510,058	5,378,678
Sandakan	2,578,720	2,595,029	2,677,770	2,672,575	2,676,655
Tawau	6,476,313	7,239,999	7,436,429	7,440,853	7,656,295
Tuaran	2,172,047	2,587,898	2,350,789	2,144,568	2,080,073
Jumlah	20,607,338	20,415,912	20,634,744	21,979,049	23,508,921


PENYEMBELIHAN AYAM RMK-10



■ 2011 ■ 2012 ■ 2013 ■ 2014 ■ 2015

Penyembelihan Ternakan Hari Raya Korban RMK-10

PENYEMBELIHAN TERNAKAN HARI RAYA KORBAN RMK-10



LAPORAN STATUS PENYAKIT NEGERI SABAH 2008

Hawar Berdarah (Haemorrhagic septicaemia) – B109

Sepanjang tahun 2008, 5 kes Hawar berdarah dikesan di daerah Kota Kinabalu (2 kes) dan Kota Belud (3 kes). Kesemua kes melibatkan kerbau. Sila rujuk jadual 5.

Penyakit Hawar Berdarah disebabkan oleh bakteria *Pasteurella multocida* (type B). Penyakit ini berlaku sepanjang tahun dengan kekerapan yang tinggi pada musim hujan. Jangkitan berlaku melalui titisan air, sentuhan, dan udara. Tanda-tanda penyakit ialah sukar bernafas, bengkak di bahagian muka dan leher serta banyak air liur. Penyakit ini boleh dikawal dengan menggunakan pelalian (vaksin oil adjuvant) yang diberi setahun sekali pada semua ternakan berumur tiga bulan ke atas. Pelalian cair (vaksin broth) diberi ketika berlaku wabak.

Melioidosis – C613

Sepanjang tahun 2008

, kesemuanya 5 kes melioidosis dikesan yang melibatkan kambing dari daerah Tawau, Sandakan dan Kunak. Sila rujuk jadual 6.

Melioidosis disebabkan oleh bakteria *Burkholderia pseudomallei*. Tanda-tanda penyakit tidak spesifik pada ternakan hidup. Lesi bedahsiasat ialah abses pada paru-paru, gingal, buah zakar dll. Rawatan kurang berkesan kerana abses yang pekat menghalang penyerapan antibiotik.

Caseous Lymphadenitis – (C705)

Dalam tahun ini, satu kes CLA dikesan pada kambing dari Tawau. Sila rujuk jadual 3.

CLA ialah penyakit yang disebabkan oleh *Corynebacterium pseudotuberculosis*. Tanda penyakit ialah berlaku pernanahan pada nodus limpa dan organ dalaman. Ternakan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut diasingkan dan ditakai.

Pasteurellosis – C617

Sebanyak 19 kes pasteurellosis dari 10 daerah, melibatkan 18 ekor kambing dan 1 ekor lembu dilaporkan sepanjang tahun 2008. Sila rujuk jadual 7.

Pasteurellosis disebabkan oleh *Pasteurella haemolytica* dan *Pasteurella Multocida*. Bakteria ini ialah normal *microflora* yang bersikap *opportunistic* apabila ternakan berada dalam keadaan *stress*. Tanda penyakit ini ialah kesukaran bernafas, hingus, batuk dll.

Bovine Anaplasmosis - B101

Dua kes Bovine anaplasmosis dikesan sepanjang tahun 2008 melibatkan seekor lembu dari Keningau dan seekor dari Sandakan. Sila rujuk jadual 1.

Bovine Anaplasmosis disebabkan oleh *Anaplasma spp.* Penyakit ini berjangkit melalui kutu yang bertindak sebagai vektor. Tanda-tanda penyakit ialah pucat, jaundis, kurus dan kurang selera makan. Penyakit ini boleh dikawal secara tidak langsung melalui kawalan kutu yang dibuat secara berkala.

Bovine Babesiosis (102)

Dua kes Bovine Babesiosis dikesan di Keningau. Sila rujuk jadual 2.

Penyakit ini adalah disebabkan oleh protozoa dari genus babesia. Jangkitan berlaku melalui vektor iaitu kutu. Tanda-tanda penyakit ialah pyrexia, lemah, tiada selera makan dan air kencing berdarah. Penyakit ini boleh dikawal secara tidak langsung dengan menghapuskan kutu.

Coccidiosis (C620)

Dua puluh enam kes Coccidiosis dikesan sepanjang tahun ini pada kambing. Sila rujuk jadual 4.

Coccidiosis biasanya menghasilkan masalah pada haiwan yang berumur di bawah 6 bulan terutama pada ternakan yang dipelihara di tempat yang kurang bersih dan bersesak-sesak atau yang menerima pertukaran makanan yang mendadak. Tanda-tanda awal penyakit ini adalah hilang selera makan, demam dan cirit-birit. Haiwan seterusnya menjadi lemah dan pucat akibat najis cair bercampur darah.

Intestinal Salmonella Infections - C619

Sebanyak 1 kes Jangkitan Salmonella Intestinal dikesan sepanjang tahun ini melibatkan 1 ekor lembu di Kg. Limputung, daerah Papar. Sila rujuk jadual 8.

Tanda-tanda penyakit ialah cirit birit, tiada selera makan dan menunjukkan tanda-tanda septicemia.

Haemonchosis

Sebanyak 17 kes haemonchosis dikesan pada ternakan kambing dari pelbagai daerah.

Haemonchus contortus adalah penyakit yang biasa ditemui dalam iklim tropika. Menyebabkan ternakan kurus dan pucat. Jika tidak dikawal akan menyebabkan kematian dan kerugian kepada penternak. Tanda jangkitan pada ternakan ialah kurus, pucat dan bengkak dibawa dagu.